

08/02/1997

Hakim syariah diminta lebih sensitif

KUALA LUMPUR, Jumaat - Hakim Mahkamah Syariah, kaunselor dan pegawai di Jabatan Agama disaran supaya menjalani kursus khas bagi mengubah sikap dan pandangan mereka terhadap wanita untuk meningkatkan keadilan dalam penyelesaian kes rumahtangga keluarga Islam.

Cadangan oleh Majlis Kebangsaan Pertubuhan-Pertubuhan Wanita Malaysia (NCWO) itu adalah bagi memberi lebih pengetahuan kepada pihak berkenaan mengenai hak dan sensitiviti wanita, yang dikatakan sering menjadi pihak yang tertindas dalam sesuatu kes.

NCWO akan mengemukakan cadangan itu serta cadangan lain dalam satu memorandum bertajuk `Reformasi Undang-undang Keluarga Islam serta Pentadbiran Keadilan Dalam Sistem Syariah di Malaysia' kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, tidak lama lagi.

Presiden Persatuan Peguam-peguam Wanita Malaysia, Noor Farida Ariffin, berkata kursus bagi mengurangkan sikap berat sebelah terhadap jantina perlu dilaksanakan segera berikutan banyaknya aduan daripada wanita yang menghadapi masalah berkenaan.

"Kebanyakan wanita mengadu tidak mendapat layanan yang adil daripada pihak yang mengendalikan kes seperti hakim Mahkamah Syariah, kaunselor dan pegawai agama yang seolah-olah merendah-rendahkan maruah mereka," katanya ketika dihubungi di sini.

Noor Farida berkata, ada banyak aduan yang mengatakan bahawa pihak lelaki mendapat layanan lebih baik daripada pihak berkenaan dan sesuatu keputusan berhubung rumah tangga juga dikatakan lebih berpihak kepada lelaki atau suami.

"Masalah ini adalah sesuatu yang serius kerana ia menjejaskan keadilan terhadap wanita Islam," katanya.

(END)